

114  
SOALAN NO: 44

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR S. SUBRAMANIAM**  
**MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DR AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]**

**TARIKH :**

**SOALAN : 44**

**YB Dr Azman bin Ismail [Kuala Kedah]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik terbaru bagi:

- a) Jumlah dan peratus penghidap Diabetes Jenis Pertama dan Diabetes Jenis Kedua
- b) Jumlah dan peratus penghidap darah tinggi di Malaysia

**Tuan Yang di-Pertua,**

Survei Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) yang terkini pada tahun 2015 menganggarkan sebanyak 17.5% atau 3.6 juta penduduk Malaysia dewasa berumur 18 tahun dan ke atas menghidapi diabetes, dan 30.3% atau 6.1 juta penduduk dewasa menghidap penyakit hipertensi. Survei ini dilaksanakan setiap 4 tahun dan survei seterusnya adalah pada tahun 2019.

Untuk penyakit diabetes, Kementerian Kesihatan tidak membezakan Diabetes Type 1 dan Diabetes Type 2 semasa survei NHMS dilaksanakan. Walau bagaimanapun, berdasarkan beberapa kajian di Malaysia, dianggarkan 99% penyakit diabetes di Malaysia adalah Diabetes Type 2.